

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK iPayor Waiver

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil iPayor Waiver. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

iPayor Waiver merupakan rider potongan unit yang mengetepikan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan, jika ada) apabila Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Pemilik Polisi atau semasa diagnosis mana-mana Penyakit Kritikal (CI) yang dilindungi selepas Tarikh Rider Dikeluarkan dan sebelum tamat tempoh rider ini, tertakluk kepada tempoh menunggu. Premium seterusnya yang perlu dibayar akan diketepikan bermula dari tarikh kematian atau hilang upaya atau didiagnosis menghadapi mana-mana Penyakit Kritikal yang dilindungi, mengikut mana yang lebih awal, sehingga tamat tempoh perlindungan rider ini.

Jika rider ini dilampirkan pada polisi juvenil, rider ini akan dihentikan pada ulang tahun polisi semasa kanak-kanak mencapai umur 25 tahun pada hari jadi berikutnya. Seterusnya, premium untuk polisi juvenil perlu dibayar untuk meneruskan perlindungan.

Jumlah amaun yang diketepikan akan diperuntukkan dalam dana(-dana) berkaitan pelaburan mengikut kadar peruntukan tahun polisi tersebut untuk menyambung polisi berkenaan. Perlindungan rider ini dijamin untuk diperbaharui sehingga tarikh tamat tempoh rider ini.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Rider ini melindungi:

- Kematian
 - Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)*
 - Penyakit Kritikal (CI)
 - Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah rider ini:
- mengetepikan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan, jika ada); atau
 - mengetepikan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan, jika ada); atau
 - mengetepikan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan, jika ada).

No.	Penyakit Kritikal	No.	Penyakit Kritikal
1.	Penyakit Alzheimer / Dementia Teruk	25.	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
2.	Sindrom Apallie (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)	26.	Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau
3.	Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27.	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
4.	Tumor Otak Benign - keterukan tertentu	28.	Hilang Keupayaan Bertutur
5.	Buta - Kekal dan Tidak boleh Pulih	29.	Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan
6.	Pembedahan Otak	30.	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
7.	Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	31.	Penyakit Sistik Medular
8.	Kardiomiopati - keterukan tertentu	32.	Penyakit Neuron Motor - defisit neurologi kekal dengan
9.	Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	33.	Sklerosis Multipel
10.	Hepatitis Autoimun Kronik	34.	Distrofi Otot
11.	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	35.	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan
12.	Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan	36.	Kelumpuhan Anggota
13.	Pembedahan Pintas Arteri Koronari	37.	Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
14.	Penyakit Creutzfeldt-Jakob	38.	Poliomielitis
15.	Pekak - Kekal dan Tidak boleh pulih	39.	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu
16.	Demam Hemorrhagic Ebola	40.	Skleroderma Progresif
17.	Elefantiasis	41.	Penyakit Arteri Koronari Serius
18.	Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk	42.	Sindrom Eisenmenger Teruk
19.	Kegagalan Hati Tahap Akhir	43.	Strok/Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
20.	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	44.	Pembedahan Aorta
21.	AIDS Dengan Gejala Penuh	45.	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
22.	Hepatitis Viral Fulminan	46.	Penyakit Terminal
23.	Serangan Jantung - keterukan tertentu	47.	Kelecuman Tahap Ketiga - keterukan tertentu
24.	Pembedahan Injap Jantung		

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan penerangan yang lanjut mengenai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini.

*Catatan:

- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal akan dihentikan apabila Pemilik Polisi mencapai umur 70 tahun.

Tempoh: Sehingga berlakunya penamatan pelan asas/ rider atau tempoh rider iaitu 69 tahun, tertakluk kepada yang mana lebih awal.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Ini adalah rider potongan unit. Sila rujuk ilustrasi jualan bagi maklumat terperinci.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Caj-caj insurans rider ini akan bertambah dengan peningkatan umur anda dan ia akan ditolak setiap bulan daripada nilai unit-unit anda. Maklumat caj-caj insurans rider berkenaan yang terperinci ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

*Catatan:

Caj-caj insurans bagi rider ini tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak caj-caj insurans ini dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari awal. Semakan tersebut hanya berkuatkuaa pada ulang tahun polisi berikutnya.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan betul.

-

Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan rider ini dengan memberi pemberitahuan secara bertulis kepada kami dan memulangkan kontrak rider ini dalam tempoh masa 15 hari selepas dokumen rider dihantar kepada anda. Kami akan memulangkan caj-caj insurans rider yang telah anda bayar dengan sepenuhnya, tolak sebarang fi perubatan yang telah kami tanggung.

- Tempoh menunggu: Kelayakan untuk manfaat rider ini hanya akan bermula:

- (i) 60 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada mana yang lebih kemudian, untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), dan Penyakit Arteri Koronari Serius;
- (ii) 30 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada mana yang lebih kemudian, untuk penyakit kritikal lain yang dilindungi.

- Nilai Dana - Nilai Dana ILP bergantung pada prestasi dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Semakin tinggi paras perlindungan insurans yang dipilih, semakin banyak unit akan ditolak untuk membayar caj insurans dan semakin kurang unit yang baki untuk mengumpul Nilai Dana di bawah polisi anda.
- Polisi luput - rider akan dibatalkan jika polisi asas luput akibat Nilai Dana tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain serta Jaminan Tidak Luput telah dibatalkan.
- Caj Insurans - Caj Insurans adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak semula caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari awal. Sebarang semakan semula yang dibuat hanya akan berkuatkuaa pada ulang tahun polisi seterusnya.
- Notis tuntutan - notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh kematian dan 6 bulan dari tarikh HUMK atau selepas tarikh diagnosis sebarang Penyakit Kritikal.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk mendapatkan terma dan syarat yang lengkap.

6 Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

Tiada sebarang manfaat akan dibayar jika:

- Kematian Pemilik Polisi adalah akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - bunuh diri sama ada waras atau tidak waras dalam satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian; atau
 - Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau jangkitan oleh Penyakit Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Pemilik Polisi adalah akibat secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:
 - bunuh diri atau percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
 - kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan;
 - kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
 - sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang berjadual tetap);
 - pelayaran kapal selam;
 - perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
 - pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
 - sebarang bentuk hilang upaya (HUMK) yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian;
 - peperangan yang disyitarkan atau tidak disyitarkan, revolusi, mogok, aktiviti penganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam; atau
 - keadaan sedia ada*.
- Penyakit Kritikal Pemilik Polisi adalah akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - apa-apa penyakit atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan untuk kejadian Penyakit Kritikal;
 - tanda-tanda atau simptom Penyakit Kritikal dapat dilihat dengan jelas sebelum atau:
 - (i) dalam masa enam puluh (60) hari untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
 - (ii) dalam masa tiga puluh (30) hari untuk semua Penyakit Kritikal lain;
 - dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian;
 - keadaan sedia ada* yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian;
 - kewujudan Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau jangkitan akibat Penyakit Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami berhak untuk menghendaki Pemilik Polisi untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat sebelum menerima apa-apa tuntutan. Kejadian penyakit kritikal mengenai Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan adalah dikecualikan. Untuk tujuan ini,
 - (i) definisi untuk AIDS akan menggunakan definisi yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1987, atau sebarang semakan yang berikut oleh WHO pada definisi tersebut.
 - (ii) jangkitan dianggap telah berlaku apabila pada pendapat kami ujian darah dan ujian lain yang berkaitan menunjukkan kewujudan Virus Kurang Daya Tahan Manusia atau Antibodi terhadap virus tersebut.
 - kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Pemilik Polisi berumur tujuh belas (17) tahun;
 - kecederaan diri yang disengajakan;
 - pengaruh dadah atau alkohol;
 - Pemilik Polisi tidak bersetuju untuk menjalani rawatan atau menentang nasihat doktor pakar; atau
 - Pemilik Polisi hidup kurang daripada tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis kejadian Penyakit Kritikal.

*Keadaan sedia ada bermaksud hilang upaya atau penyakit di mana Pemilik Polisi mempunyai pengetahuan yang wajar terhadapnya. Pemilik Polisi dianggap mempunyai pengetahuan yang wajar terhadap penyakit sedia ada jika:-

- (i) Pemilik Polisi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
- (iii) simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
- (iv) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk mendapatkan senarai pengecualian yang lengkap.

7 Bolehkah saya batalkan rider ini?

Anda boleh membatalkan Rider ini dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, perlindungan akan ditawarkan sehingga sehari sebelum caj insurans bulanan seterusnya dikenakan.

8 Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9 Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk ini, sila layari laman web kami di www.tokiomarine.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Aras Bawah, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.
Talian Am : 03-2059 6188
Faks : 03-2162 8068
Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999
E-mel : customer@tokiomarinelife.com.my

Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan?

Sila tanya kami/ ejen kami untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

ANDA HARUSLAH MEMASTIKAN BAHAWA PELAN INI DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU BERHUBUNG DENGAN KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM ([layari www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Pelan insurans ini diunderaik oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>